

# ALAM WANITA

## Taraf Perempuan Dalam Islam

“Apabila perempuan itu mengerjakan sembahyang yang lima waktu, memelihara kehormatannya, dan taat kepada suaminya, masuklah ia ke dalam syurga dari pintu mana yang dikehendakinya.”

Maksud *ḥadīth sharīf*

### Islam Memberi Perlindungan Kepada Kaum Perempuan:

Menurut keterangan yang terkandung di dalam Quran dan hadis, dapatlah diketahui setakat mana kaum perempuan telah diberikan perlindungan dan kawalan yang sempurna oleh Islam.

Sebelum Islam, kaum perempuan tidak mempunyai kedudukan yang baik, atau dengan kata-kata yang lebih jelas mereka tidak sampai berharga separuh dari harga kaum lelaki, bahkan lebih rendah lagi daripada itu.

Di dalam *sūrah al-Nisā'*, ayat 34, ada dinyatakan bahawa agama Islam telah menetapkan hak kedua belah pihak – lelaki dan perempuan. Masing-masing tidaklah dibolehkan memandang kepada yang lain lebih rendah daripada dirinya. Misalnya kaum lelaki dilarang keras memandang rendah kepada isterinya atau hanya dijadikannya tempat memuaskan nafsu syahwatnya. Kaum lelaki diwajibkan memandang isterinya sebagai dia memandang dirinya sendiri, iaitu sebagai suatu makhluk yang mempunyai kehormatan.

Tuhan ‘Azza wa Jalla telah menjadikan perkahwinan itu suatu cita-cita dan idaman kaum perempuan serta menjadi kemuliaan mereka, supaya mereka dapat mengerjakan kewajipan mereka yang suci sebagaimana Tuhan telah menjadikan sifat itu pada kaum lelaki juga. Sebab itu hendaklah kaum lelaki bersyukur atas nikmat pemberian Tuhan itu.

Demikian juga kaum perempuan. Mereka dilarang memandang rendah kepada kaum lelaki atau mensifatkan dia sebagai hamba yang terletak di bawah pengaruh kecantikan mereka atau sebagai tawanan perasaan cinta kasih kepada mereka. Kerana walaubagaimanapun, kaum lelakilah yang akan mengawal dan memberi perlindungan kepada mereka.

Jelasnya, kedua belah pihak hendaklah hormat menghormati. Dan sayugialah diingat, bahawa Tuhan ‘Azza wa Jalla telah menetapkan perhubungan itu untuk membuahkan buah yang sangat dihajati oleh manusia.

Setakat mana kuatnya hak hormat menghormati di dalam

Islam di antara suami isteri dapat ditatap dengan jelasnya di dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Imām Muslim dan lain-lainnya, bahawa Rasulullah (SAW.) bersabda, maksudnya:

“Sesungguhnya sejahat-jahat manusia di sisi Allah pada Hari Kiamat, ialah lelaki yang menyebutkan sesuatu rahsia kepada isterinya, dan isterinya pun demikian juga kepadanya, kemudian salah seorang di antara keduanya membukakan rahsia itu kepada orang lain.”

Lagi suatu hadis, diriwayatkan oleh Imām Ahmad daripada Asmā' binti Yazīd bahawa dia (Asmā') ada di sisi Rasulullah (S.A.W.) dan ketika itu kaum lelaki dan perempuan sama-sama duduk di sana, baginda pun bersabda, maksudnya:

“Barangkali ada lelaki yang mengatakan apa-apa yang telah dilakukannya dengan isterinya, dan barangkali ada perempuan yang telah mengatakan apa-apa yang telah dilakukannya dengan suaminya.” Orang ramai terpegun mendengarnya. (Kata Asmā') maka aku pun berkata: “Demi Allah, benarlah ya Rasulullah, kaum lelaki ada melakukan yang demikian itu dan juga kaum perempuan ada melakukannya.” Mendengar itu, Rasulullah (SAW) bersabda: “Jangan kamu melakukannya! Kerana perbuatan itu seperti syaitan jantan bertemu dengan syaitan betina, lalu ia tidur dengan yang betina itu di hadapan mata orang ramai.

Tujuan hadis ini terang dan jelas, iaitu kaum lelaki jangan sekali-kali membukakan rahsia antara dia dengan isterinya, demikian juga kaum perempuan jangan membukakan rahsia antara dia dan suaminya, baik yang berhubung dengan perhubungan jenis lelaki dengan perempuan atau lainnya.

Syariat Islam telah menetapkan teraju pimpinan kaum perempuan kepada lelaki, oleh itu kaum lelaki diwajibkan berlaku baik kepada kaum perempuan, kalau tidak hendaklah perempuan itu dilepaskan (diceraikan) dengan baik.

Adapun hak perempuan terhadap suaminya, demikian juga tidak kurang daripada kaum lelaki. Di antaranya yang mustahak ialah tidak halal mereka itu membukakan sesuatu bahagian daripada anggota badan kepada lelaki yang lain, tidak boleh keluar rumahnya kalau tidak dengan izin dari suaminya, tidak boleh ia mengizinkan sebarang lelaki masuk ke dalam rumahnya ketika suaminya benci kepada lelaki itu sekalipun orang itu muhrimnya. Perempuan hendaklah taat menyempurnakan kehendak suaminya (terutama dalam soal perhubungan jenis). Apakala perempuan itu telah melakukan segala yang tersebut itu dan memelihara hak-hak antara dia dengan suamiya, maka perempuan itu dalam pandangan Islam telah mencapai pangkat yang setinggi-tingginya dan menduduki darjah yang semulia-mulianya, sebagaimana sabda Rasulullah (SAW)

*Idha ṣalat khamsaha, wa aḥṣanat farjahā,  
wa atā'at ba'lahā, dakhalat min ayyu abwāb al-jannah shā'at.*

Ertinya: “Apabila perempuan itu mengerjakan sembahyang yang lima waktu, memelihara kehormatannya, dan taat kepada suaminya, masuklah ia ke dalam syurga dari pintu mana yang dikehendaknya.”